



**PESURUHJAYA Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam bersama para hakim Anugerah Makanan Brunei (Brunei Food Awards - BFA) ketika mendengar penerangan mengenai hidangan murtabak ayam daripada MyHO Canteen dan Catering Services (atas), sementara gambar bawah kanan, Tuan Yang Terutama bersama para hakim BFA mencuba hidangan wajib daripada Gerai No. 12 Tamu Bangar.**

**TEMBURONG, Ahad, 4 Oktober.** - Anugerah Makanan Brunei (Brunei Food Awards - BFA) mengadakan aktiviti penilaian makanan bersama Hakim Khas, iaitu Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar, di Daerah Temburong. Ketibaan Tuan Yang Terutama Ajaneesh Kumar ke Pejabat Daerah Temburong disambut oleh Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Md. Azmi bin Haji Suhaili bersama Pengerusi BFA, Dr. Malai Zeiti binti Sheikh Abdul

## 6 hidangan Daerah Temburong dinilai untuk BFA

Hamid.

BFA merupakan anugerah bagi makanan dan minuman yang pertama, bertujuan untuk mempromosikan pertumbuhan industri makanan dan minuman di Negara Brunei Darussalam dengan mengiktiraf secara rasmi dan menganugerahkan hidangan terbaik, sama ada masakan tempatan mahupun antarabangsa, di keempat-empat daerah.

Penilaian makanan merupakan bahagian yang sangat penting bagi BFA, di mana seramai empat hakim yang diperakui, termasuk seorang hakim khas akan menilai dan memberikan markah bagi hidangan yang dihantar oleh restoran juga gerai dari seluruh negara. Markah tertinggi akan menentukan pemenang dalam kategori-kategori bagi Anugerah Hidangan Terbaik 2020.

Penilaian hidangan dibuat berdasarkan standard Metodologi EAT, yang digunakan oleh World Food Championships, mengambil kira pelaksanaan, penampilan dan rasa hidangan tersebut.

Untuk memenuhi syarat sebagai hakim makanan yang diperakui, seseorang harus menjalani dan lulus ujian juga ditetapkan oleh World Food Championship.

Tuan Yang Terutama bersama para hakim BFA mengunjungi enam restoran, gerai dan tempat

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

makan di Daerah Temburong untuk dinilai, iaitu MyHO Canteen dan Catering Services, dengan hidangan murtabak ayam mereka; Gerai No. 12 Tamu Bangar dengan hidangan wajib mereka; Restoran Ya Nur dengan hidangan beriani ayam dan kari ikan mereka; MPK Kampung Belais dan Buda-Buda dengan hidangan Nasi Upih mereka; Haji Saban Haji Yahya dengan hidangan Cendol mereka;

dan Restoran Hizdayani dengan hidangan Udang Galah masak merah mereka.

Hampir 100 tempat makan dan lebih daripada 200 hidangan dinilai di seluruh negara hingga kini, sementara 200 lagi dijangka akan dinilai pada bulan Oktober ini, sebelum upacara rasmi Majlis Anugerah Makanan Brunei, yang dijangka berlangsung pada bulan Disember 2020.



## Laungan azan beri ketenangan kepada saudara baharu

Berita dan Foto :  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**GADONG, Ahad, 4 Oktober.** - Sejak Januari hingga September 2020, jumlah saudara baharu kian meningkat, iaitu seramai 293 orang memeluk agama Islam di seluruh negara, sementara seramai 139 orang daripadanya adalah dari Daerah Brunei dan Muara.

Sehubungan itu, Majlis Pengislaman bagi seorang perempuan dari puak Murut diadakan petang tadi di Pisuk Bapa, Aras 3, Wafa Hotel and Apartment, Kompleks Annajat, di sini.

Pada majlis berkenaan, lafaz dua kalimah syahadah dilafazkan oleh Kristina Fiona Singa, yang memilih nama Islamnya sebagai Nur Syafiqah Fiona Singa binti Abdullah di hadapan para pegawai dari Bahagian Pengembangan Dakwah (Pengislaman), Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Pengarah Urusan Kompleks Annajat, Datin Hajah Dayang Norayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi dan Penolong Pengarah PDI, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar.

"Keinginan untuk memeluk agama Islam ini timbul sejak beberapa tahun yang lalu dan hari ini saya berasa bersyukur kerana impian saya untuk memeluk Islam telah tercapai. Saya mula tertarik dengan agama ini apabila setiap kali saat mendengar azan berkumandang, ia membuatkan hati dan perasaan saya berasa tenang," ujarnya ketika ditemui Pelita Brunei.

Beliau menambah, ahli keluarganya sentiasa memberi sokongan kepadanya, bahkan ada kalangan mereka sudah beragama Islam.



**LAFAZ dua kalimah syahadah dilafazkan oleh Kristina Fiona Singa, yang memilih nama Islamnya sebagai Nur Syafiqah Fiona Singa binti Abdullah di hadapan pegawai dari Bahagian Pengembangan Dakwah (Pengislaman), Pusat Da'wah Islamiah.**

## Berbakti ke arah pembangunan ummah, negara



**RA'ES Jawatankuasa Eksekutif Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam 1440-1441, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof (dua, kanan) mempengerusikan Mesyuarat Agung Kedua, Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam tersebut.**

Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**GADONG, Ahad, 4 Oktober.** - Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam merupakan persatuan yang menjadi penghubung dan penggerak kerjasama strategik dalam kalangan alumni Al-Azhar yang dilancarkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 7 Mei 2018 dan kini aktif mengendalikan program berbentuk wacana ilmu, seperti Kalam Azhari dan menyumbangkan kepada khidmat masyarakat, seperti Program Syabab Al-Azhar Prihatin.

Sehubungan itu, persatuan berkenaan mengadakan Mesyuarat Agung Kedua bertempat di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Hadir bagi mempengerusikan

mesyuarat tersebut ialah RA'ES Jawatankuasa Eksekutif Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam 1440-1441, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof.

Terdahulu, semasa memberikan ucapan alu-aluan, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Mesyuarat Agung Kedua Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali turut menyentuh bahawa Rabitah bertujuan sebagai penyalur maklumat tentang isu semasa berkaitan ajaran Islam dan untuk menyatupadukan bekas penuntut NBD di Universiti Al-Azhar dalam sama-sama menyumbang dan menabur bakti ke arah pembangunan ummah dan

negara.

Antara pengisian mesyuarat berkenaan ialah bagi meneliti dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Pertama Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam yang diadakan pada 19 Zulhijah 1439H bersamaan 31 Ogos 2018M yang lalu, di samping mendengarkan laporan dan penyata kewangan tahun 1440-1441 masing-masing daripada Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib RA'ES 1 dan 2 Jawatankuasa Eksekutif Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam 1440-1441, Awang Haji Johar bin Haji Muhamad; serta para ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam.